

Pemergian Allahyarham Professor Syed Hussein Alatas: Saran terbit atau terbit semula karya agar mudah didapatkan

*Oleh
Idris Rashid*

DUA minggu sudah Profesor Syed Hussein Alatas meninggalkan kita.

Majlis peringatan dan penghargaan yang telah diadakan sangat penting bagi membantu kita melalui perasaan sedih dan merakamkan keprihatinan kita tentang perjuangan Allahyarham.

Tidak kurang juga mereka yang tidak sehaluan dengan pemikiran Allahyarham turut merasakan kehilangan seorang pemikir yang tidak kenal erti penat membela maruah masyarakatnya daripada serangan berunsur kebencian dan kejahilan.

Bagi menyambung perjuangan Allahyarham, kita perlu memikirkan apakah tindakan susulan yang dapat dilakukan untuk membina warisan peninggalannya.

Tentu sekali warisan peninggalan paling berharga seorang pemikir adalah ilmu dan pemikirannya yang sempat dipelajari dan dirakam dalam buku dan penerbitan lain.

Membaca dan mempelajari warisan ini adalah satu langkah permulaan bagi mereka yang mahu memahami isi pemikiran Allahyarham.

Penghormatan kepada seorang pemikir yang ulung tidak akan sempurna jika tidak diikuti dengan pembacaan dan renungan isi pemikiran beliau.

Bagi yang telah banyak mengikuti karangan dan meminati aliran pemahaman dan falsafah Allahyarham, pembacaan semula yang diikuti dengan renungan dalam konteks permasalahan kita yang ada akan memberi perspektif yang lebih segar dan kefahaman fikiran Allahyarham yang lebih mendalam.

Mungkin ada yang tidak begitu sehaluan dengan pendekatan dan falsafah Allahyarham, namun saya sarankan agar karangan beliau dibaca dan dikaji agar mereka memahami lebih baik akan warisannya.

Setidak-tidaknya penolakan pemikiran itu dibuat selepas pengajian yang tekun dengan hujah-hujah yang rasional.

Mereka tidak boleh mengetepikan idea yang telah menyentuh dan mempengaruhi pemikiran sejumlah besar masyarakat kita.

Setiap anggota masyarakat, terutama yang terpelajar, perlu memanfaatkan hasil fikiran cendekiawan besar ini walaupun tidak sealiran dengan beliau.

Buah fikiran seorang pemikir besar selalunya menyentak pemikiran masyarakat dan menggugat fahaman yang dipelopori golongan tertentu yang berpengaruh.

Warisan pemikiran Allahyarham mencakupi banyak bidang utama masyarakat, seperti kehidupan beragama, kebudayaan, sejarah, pembelajaran, sastera dan bahasa, undang-undang, psikologi, politik dan sebagainya.

Permasalahan yang diutarakan Allahyarham diperjelas dengan contoh konkrit yang kita alami dalam kehidupan ini. Dengan itu fikiran Allahyarham dapat diikuti ramai dengan mudah.

Penulisan dan hujahnya yang jelas dan mudah difahami mencerminkan daya pemikirannya yang jelas, tajam lagi tulus.

Bagi memudahkan kita mendapatkan karangan Allahyarham, kita perlu menerbitkan karya Allahyarham yang belum sempat diterbitkan. Yang sudah diterbitkan dalam akhbar, majalah dan buku perlu diterbitkan semula dalam media yang sesuai supaya lebih mudah didapati.

Ini penting dalam usaha kita menyediakan sebanyak mungkin bahan santapan intelektual yang baik. Usaha ini perlu dijalankan mereka yang mempunyai keupayaan dan sumber yang tertentu.

Tanpa usaha menyambung perjuangan pemikir kita, kita akan menjadi masyarakat yang dijangkiti penyakit pelupa. Kita akan lupa dengan tradisi pemikiran yang tinggi dan mudah dipengaruhi pemikiran yang cetek.

Kesan dan perjuangan Allahyarham keseluruhannya belum boleh dinilai dengan sempurna dalam masa singkat. Kesannya pada pemikiran masyarakat memakan masa sebelum kita dapat merasakan manfaatnya.

Pemikiran Allahyarham akan menjadi rujukan dan ukuran aras pemikiran masyarakat dan generasi akan datang.

[Artikel ini telah diterbitkan di Berita Harian pada Sabtu, 10hb Februari 2007.]